

Dr Mahathir, Megawati

BH 27 AUG 2001

KUALA LUMPUR, Ahad – Isu ekonomi dan bagaimana Malaysia boleh membantu Indonesia dijangka dibincangkan dalam pertemuan Presiden Megawati Sukarnoputri dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

Presiden Indonesia itu yang kini berusaha memulihkan ekonomi negaranya mungkin meminta nasihat Perdana Menteri mengenai

kaedah terbaik memulihkan ekonomi berdasarkan pengalaman luas Dr Mahathir yang berupaya membebaskan Malaysia daripada belenggu kegawatan ekonomi serantau sebelum ini.

Sumber-sumber diplomatik berkata, lawatan rasmi dua hari Megawati bermula esok akan membuka lembaran baru dalam hubungan Malaysia-Indo-

nesia dan isu ekonomi dijangka menjadi tumpuan perbincangan selain isu serantau.

Baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, Malaysia sedia membantu memulihkan ekonomi Indonesia di bawah pimpinan baru jika ada permintaan untuk berbuat demikian.

Megawati yang akan diiringi suaminya, Taufiq Kiemas; Menteri Hal Ehwal

Luar, Noer Hassan Wira-juda dan delegasi 60 anggota, dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 11 pagi esok.

Presiden Indonesia itu kemudian akan diberi sambutan rasmi di Medan Parlimen sebelum menerima kunjungan Dr Mahathir di hotel penginapannya di ibu negara. Kedua-duanya se-

bincang isu ekonomi

kali lagi akan mengadakan pertemuan empat mata di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Lawatan itu, yang kali pertama sejak dilantik sebagai Presiden pada 23 Julai lalu, adalah atas jemputan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Wisma Putra dalam satu kenyataan kelmarin menyatakan bahawa Dr Ma-

hathir dan Megawati dijangka membincangkan kerjasama dua hala dan bertukar pandangan mengenai isu kepentingan bersama serantau dan antarabangsa.

Ia menyatakan bahawa kerajaan Malaysia yakin lawatan Megawati itu akan memperkukuhkan hubungan erat yang sedia terjalin antara Malaysia dan Indonesia demi

kepentingan bersama kedua-dua negara dan rakyatnya.

Duta Besar Indonesia di sini, Hadi A Wayarabi Al-Hadar, baru-baru ini berkata dalam lawatan itu, Megawati akan mengemukakan rancangannya selepas mengambil alih pucuk pimpinan Indonesia daripada Presiden Abdurrahman Wahid, awal bulan ini.